

07 SEP 2000

Mahathir-Ehsan

ROYALTI MINYAK MEMANG WANG EHSAN, KATA DR MAHATHIR

SEPANG, 7 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan bahawa royalti minyak yang selama ini diterima oleh negeri Terengganu sebenarnya wang ehsan daripada kerajaan pusat.

"Ia bukan royalti. Ia adalah ehsan yang kita bagi memandangkan Terengganu adalah negeri termiskin dahulu tetapi sekarang keadaan berbeza," katanya kepada soalan pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini setibanya daripada lawatan kerja ke Amerika Syarikat.

Menurut Perdana Menteri wang ehsan itu hanya disebut sebagai royalti tetapi mengikut undang-undang, Terengganu tidak mempunyai hak untuk menerima royalti minyak.

"Kerana ini (minyak) bukan dari Terengganu. Ini off-shore (luar pesisir) dan mengikut undang-undang barang off-shore adalah milik kerajaan pusat," katanya.

Kementerian Kewangan mengumumkan Selasa lepas bahawa Kerajaan Persekutuan akan membayar wang ehsan kepada Terengganu melalui kaedah baru dikenali sebagai Program Pembiayaan Wang Ehsan yang tidak lagi disalurkan terus kepada kerajaan negeri itu.

Sebaliknya wang itu akan diuruskan oleh sebuah Jawatankuasa Peringkat Pusat (JPP) yang ditubuhkan khusus bagi merangka pelaksanaan program pembangunan negeri berkenaan.

Wang ehsan itu akan digunakan antara lain untuk pembinaan jalan luar bandar dan kampung, bekalan air dan elektrik, perumahan kos rendah untuk nelayan dan rakyat termiskin, pinjaman untuk pembelian bot nelayan dan peralatan penangkapan ikan, pemberian pinjaman biasiswa dan bantuan persekolahan.

Semasa ditanya sama ada wang ehsan yang akan diberikan itu mengikut kadar lima peratus seperti dahulu, Dr Mahathir berkata kadar wang ehsan itu akan ditentukan kerajaan pusat.

Bagaimanapun Perdana Menteri memberi jaminan wang ehsan itu tidak akan merugikan rakyat Terengganu memandangkan ia akan disalurkan melalui cara-cara lain.

"Ia bukanlah satu diskriminasi kerana Terengganu sebenarnya tidak mempunyai hak mendapat royalti minyak malahan negeri lain (di Semenanjung) juga tidak mendapat apa-apa," katanya.

Dr Mahathir berkata sebab itu kerajaan pusat bersetuju memberi wang ehsan berdasarkan kadar royalti minyak kepada Terengganu kerana kerajaan beranggapan bahawa jumlahnya tidak akan melebihi RM50 juta setahun tetapi ia kini mencecah hampir RM1 bilion.

Perdana Menteri juga menegaskan bahawa pemberian wang ehsan itu dibuat mengikut undang-undang.

Semasa ditanya mengenai aduan pembangkang kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) semalam mengenai dakwaan skandal seks melibatkan bekas Menteri Besar Selangor Datuk Seri Abu Hassan Omar, Dr Mahathir berkata ia adalah satu tindak tanduk mencari kesalahan orang lain.

"Ini politik, bukan agama dan bukan juga apa-apa, ia politik," katanya.

Abu Hassan telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar pada 9 Ogos kerana alasan keluarga dan kesihatan selain turut menafikan beliau terlibat dalam skandal seks itu.

-- BERNAMA

MAM HS AHH MAI